

HELAIAN PENERANGAN PRODUK (Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Kembara Hajj and Umrah Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.)	TAKAFUL GENERAL IKHLAS BERHAD
	(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
	IKHLAS Kembara Hajj and Umrah Takaful Date: 01/12/2018

1) Produk apakah ini?

Pelan Takaful ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku kecederaan, hilang keupayaan kekal atau kematian disebabkan oleh kemalangan di luar jangkaan, perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat kemalangan, kesulitan perjalanan dan bantuan perjalanan bagi perjalanan Hajj dan/atau Umrah. Perlindungan ini boleh disertai oleh mana-mana individu untuk diri sendiri, pasangan dan anak-anak.

Pelan keluarga dibenarkan untuk perjalanan sehala sahaja dan had umur bagi anak adalah antara 30 hari hingga 21 tahun. Tempoh perlindungan bergantung kepada tempoh perjalanan tersebut.

2) Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

- **Tabarru’** – bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, Tabarru’ akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful, dan fi Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Nota: Sila rujuk kepada kontrak Sijil Takaful untuk maklumat lanjut.

3) Apakah perlindungan-perindungan/manfaat-manfaat yang ditawarkan?

Manfaat	Pelan Basic <1-14 hari		Pelan Intermediate 15 – 22 hari		Pelan Premium >22 hari	
	Individu (RM)	Keluarga (RM)	Individu (RM)	Keluarga (RM)	Individu (RM)	Keluarga (RM)
Kematian/Hilang Keupayaan Kekal	20,000.00	Dewasa : 20,000.00 Kanak-kanak: 5,000.00	20,000.00	Dewasa: 20,000.00 Kanak-kanak: 5,000.00	20,000.00	Dewasa: 20,000.00 Kanak-kanak: 5,000.00
Perbelanjaan Pengebumian	1,000.00		1,000.00		1,000.00	
Perbelanjaan Perubatan (Kurang 50% bagi kanak-kanak)	1,000.00		5,000.00		10,000.00	
Kehilangan Dokumen Perjalanan	300.00		300.00		300.00	
Pemindahan Perubatan Kecemasan	2,000.00 (Setiap satu musibah atau		2,000.00 (Setiap satu musibah atau		3,000.00 (Setiap satu musibah atau	

dan/atau Penghantaran Jenazah	maksimum)		maksimum)		maksimum)	
Perbelanjaan Lawatan Ihsan	1,000.00 (maksimum)		1,000.00 (maksimum)		1,000.00 (maksimum)	
Badal Haji	2,500.00 (Dewasa sahaja)		2,500.00 (Dewasa sahaja)		2,500.00 (Dewasa sahaja)	
Bayaran balik Deposit atau Pulangan Penuh Tiket Penerbangan atau Pakej Perjalanan disebabkan pembubaran Agensi (dalam masa 3 bulan dari tarikh pembelian)	4,500.00 (maksimum)		4,500.00 (maksimum)		4,500.00 (maksimum)	
Kehilangan Bagasi	150.00	250.00	150.00	250.00	150.00	250.00
Khidmat Wakaf	Seperti yang disarankan oleh Pusat Wakaf Selangor					
Khidmat Qurban	750.00		750.00		750.00	

Nota: Sila rujuk jadual manfaat untuk kematian dan hilang upaya di dalam Sijil Takaful.

4) Berapa banyak Sumbangan Takaful yang saya perlu bayar?

Jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar bergantung kepada pelan yang dipilih. Tertakluk kepada Sumbangan Takaful minima RM8.00

Tempoh	Pelan Asas		Pelan Intermediate		Pelan Premium	
	Individu	Keluarga (1+1+3)	Individu	Keluarga (1+1+3)	Individu	Keluarga (1+1+3)
1 -14 hari	RM35.50	RM68.50	RM41.00	RM79.00	RM47.50	RM92.50
Tambahan Kanak-kanak		RM6.00		RM7.50		RM8.50
15 – 22 hari	RM66.50	RM121.50	RM76.50	RM140.50	RM88.50	RM163.50
Tambahan Kanak-kanak		RM11.50		RM13.50		RM16.00
> 23 hari	RM102.00	RM176.00	RM117.00	RM203.00	RM135.50	RM237.00
Tambahan Kanak-kanak		RM17.50		RM20.50		RM24.00

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Caj-caj yang dikenakan adalah seperti berikut:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful:

- Cukai yang digunapakai tertakluk pada kadar semasa yang dikenakan.
- Duti setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Sumbangan Takaful :

- Yuran Wakalah :-
 - ✓ Komisen : sehingga 25% daripada Sumbangan Takaful
 - ✓ Perbelanjaan pengurusan : 35% daripada Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini:-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

Had Umur

Umur yang layak untuk memohon perlindungan ini adalah dari 18 hingga 80 tahun. Bagi pelan keluarga, anak anda mestilah berumur di antara 30 hari sehingga 21 tahun dan masih dibawah tanggungan anda.

Kepentingan Pendedahan

Anda mestilah mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu, jika tidak, Sijil Takaful ini akan dianggap tidak sah.

Pampasan / Tanggungan

Kami akan membayar pampasan di atas kematian atau hilang keupayaan kekal berdasarkan kepada "Skala Pampasan" yang disertakan di dalam Sijil Takaful. Walau bagaimanapun tuntutan untuk rawatan perubatan, pampasan anda adalah berdasarkan pengembalian jumlah perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi perbelanjaan perubatan yang sama.

Tunai Sebelum Perlindungan

Adalah menjadi asas dan syarat mutlak Sijil Takaful ini di mana Sumbangan Takaful tempohnya telah matang mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh perlindungan berkuatkuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful akan menjadi tidak sah dan terus terbatal.

Anda digalakkan untuk membayar Sumbangan Takaful terus kepada kami, sama ada secara tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dinamakan ke atas pihak Syarikat sahaja).

Lebihan

Pada setiap akhir tahun kewangan, Aktuari akan menilai kedudukan lebihan di dalam Dana Risiko, untuk memelihara kemampunan dana untuk jangka panjang. Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, Pihak Syarikat boleh, mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada had yang diperuntukkan, maka jumlah berkenaan akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful. Kedua-dua had yang diperuntukkan dan pengurusan jumlah berkenaan adalah seperti yang di nyatakan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan.

7) Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?

Sijil Takaful ini tidak melindungi :

- Kematian atau kecederaan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi seakan peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak) ;
- Kelewatan, serangan rampasan, pembinaan, tuntutan, penahanan atau tahanan oleh kastam atau mana-mana kerajaan, pihak berkuasa awam atau tempatan;
- Apa-apa pelanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- Apa-apa keadaan sedia ada;
- Membunuh diri, cubaan membunuh diri atau dengan sengaja mencederakan diri sendiri oleh Peserta Takaful kepadanya / sendiri sama ada siuman atau tidak siuman;
- Kegagalan Orang Yang Dilindungi untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk melindungi , menyelamatkan atau mendapatkan semula bagasi yang hilang;
- Perjalanan yang bertentangan dengan nasihat doktor atau tujuan perjalanan adalah untuk mendapatkan apa-apa bentuk rawatan perubatan, rundingan atau nasihat;
- Apa-apa kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung atau tidak langsung dari perjalanan, di atau melalui Afghanistan, Cuba, Republik Demokratik Kongo, Iran, Iraq, Liberia, Sudan, Syria or Israel.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.

8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum luput. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

9) Apakah yang patut saya lakukan sekiranya terdapat perubahan ke atas maklumat surat menyurat saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

10) Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan "insuranceinfo" mengenai "Takaful Kemalangan Diri". Anda boleh dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai *IKHLAS* Kembara Hajj and Umrah Takaful, sila hubungi kami di;

Takaful Ikhlas General Berhad

Customer Relationship Management Department,
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South,
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2723 9696

Faks: 03-2723 9998

Laman sesawang : www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati?

- *IKHLAS* Kembara Takaful
- *IKHLAS* Motorist PA Takaful
- *IKHLAS* Personal Accident Takaful

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN MENGENAI SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFUL INI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENAKIBATKAN PEMBATALAN KONTRAK TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFUL INI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKO INI DAN MENENTUKAN KADAR TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

Informasi yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 01/12/2018